

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' JOHARI BIN
ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan bahawa dilaporkan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) akan melibatkan diri dalam pengoperasian Automated Enforcement System (AES). Jika benar, nyatakan rasional tindakan ini. Adakah ianya melibatkan kewangan LTAT. Berapa banyak wang yang terlibat dan apakah pulangannya nanti dan bila.

JAWAPAN:

Projek Automated Enforcement System (AES) sedang diusahakan oleh IRAT Properties Sdn Bhd (IPSB) iaitu sebuah syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Pemegang saham IPSB adalah Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan Boustead Holdings Berhad.

Pada masa ini IPSB sedang di dalam proses perbincangan terperinci mengenai model kewangan yang dapat memberikan manfaat kepada pihak Kerajaan dan syarikat. Walau bagaimanapun, syarikat menganggap projek ini sebagai projek komersil dan yakin akan mendapat pulangan yang sewajarnya di samping menyumbang kepada objektif projek dan usaha Kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya.